

## HKJSM 2013 – sempoi!

Penulis: Norhaiza Ahmad dan Zulfauzi Zakaria

Hari Keluarga JSM kali ini telah berlangsung di Taman Negara Jerantut Pahang dengan dipengerusikan oleh Dr. Nor Muhainiah Mohd Ali (Dr. NorM). Jumlah peserta kali ini seramai 50 orang dengan penyertaan 13 orang staf JSM iaitu Prof. Sara, Dr. Rohanin, Dr. NorM, En. Wan Rohaizad, En. Adrian, Dr. Arifah, En. Zulfauzi, Dr. Haiza, Dr. Shazira, Dr. Anati, Dr. Zieha, Dr. Zaitul dan Dr. Sharidan, serta keluarga. Turut serta, 5 orang pelajar pasca ijazah dan 2 orang pemandu bas UTM bersama 3 orang ahli keluarga mereka.

Pada pagi Sabtu 14 September itu, kami telah dihantar oleh Pn. Farhana, Dr. Syarifah Zyrina dan Pn. Wan Rukaida (JK HKJSM2013 yang tak *dapat* pergi) menaiki bas UTM. Bas UTM yang naik kali ni, dapat pula yang baru, siap dengan tali pinggang lagi dan dapat pakcik drebar yang bacakan doa sebelum gerak. *Blessed*. Perjalanan kami bermula sekitar jam 7.25 pagi. Kami bersarapan di R&R Machap dengan bekalan yang telah ditapaukan dari JB oleh JK HKJSM2013. Perjalanan bas lancar melewati lebuh raya MRR2 dan Karak, kemudian keluar kat tol Temerloh menghala ke Jerantut. Kemalangan kecil di antara beberapa buah kereta di MRR2 Hulu Klang dan panggilan 'alam' penumpang bas menyebabkan kami sedikit lewat tiba di rumah Dr. NorM di Kg. Bukit Genting. Jerantut pada jam 3 petang (biasa la jalan jauh!). Seperti yang dijanjikan, kami telah dijamu dengan penuh meriah oleh Dr. NorM sekeluarga. Menu orang Pahang seperti gulai tempoyak ikan patin, ikan patin salut bumbu dipanggang dalam daun kunyit, kerabu jantung pisang, ayam masak kicap dan pelbagai jenis ulaman disediakan. Terasa macam makan kat rumah pengantin aje. Pakcik drebar pun siap tanya resepi lagi. *Thank you Dr. NorM!* Setelah mengisi perut dan menunaikan solat, kami terus bergerak ke Taman Negara. Perjalanan ke Taman Negara mengambil masa lebih kurang 45 minit dan kami tiba di Woodland Resort jam 6 lebih dalam keadaan hujan renyai. Selepas makan malam, travel guide kami En. Saffran (*Saf for short, a 39 year old with an IC of a 37 year old*), seorang renjer hutan, memberi taklimat perjalanan program sepanjang dua hari di sana. Menurutnya bila hujan, air sungai akan jadi keruh tapi telah dibuktikan melalui kajian saintifik oleh Profesor dari luar negara yang air sungai di situ masih selamat untuk diminum. Pakcik drebar dan Zulfauzi kata sedap- sebab dia orang dah *terminum!*

Pagi keesokan harinya, semua peserta diarahkan menyangkut t-shirt HKJSM 2013 berwarna merah oleh pengerusi HKJSM (ikut je la!). Kami mula berjalan santai *legang-kangkang* dari resort dengan hati yang gembira melalui pekan Kuala Tahan untuk ke pintu masuk Taman Negara. Kalau pandang ke kiri dan ke kanan jalan, kita nampak ada sekolah, gerai kecil, rumah orang kampung dan juga rumah orang jenis *bed & breakfast* (B&B). Kebanyakan *back-packers* memilih untuk menumpang di B&B seperti ini. Kami perlu menuruni tangga yang amat tinggi untuk sampai ke jeti Kuala Tahan. Pemandangan luas Sungai Tembeling menyambut kami dengan penuh kehijauan hutan tebal di seberang sungai dan betul la apa yang Saf bagi tau semalam, airnya berwarna keruh-coklat coklat gitu. Suasana di jeti seakan di Terminal bas Larkin kerana dipenuhi bot-bot penumpang yang pelbagai bentuk dan saiz. Bot ini bukan hanya sekadar digunakan oleh pelancong malah ianya juga digunakan oleh penduduk sekitar sebagai salah satu mod pengangkutan. Terdapat juga beberapa buah restoran berakit yang *park* di tepi Kuala yang dikunjungi oleh ramai *omputih*.

Aktiviti pertama kami pagi itu adalah persembahan video di Pejabat Renjer Taman Negara yang juga adalah pintu masuk utama ke Taman Negara di seberang sungai. Untuk yang baru kali pertama naik bot, *you either get slightly giddy with excitement or full of trepidation*. Apa yang pasti, kasut *tenjet* yang selalu guna tu memang tak sesuai langsung! Sampai sahaja di jeti seberang, beberapa wajah kelihatan bertukar gelisah bila kena daki tangga yang agak cerun. Sampai je kat anak tangga yang terakhir, didapati belum sampai juga ke destinasi tayangan video. Ini baru saja sampai ke kawasan Hotel Mutiara Taman Negara. Tapi

dapat juga la kami lalu di kawasan penginapan mewah yang berharga RM305 sebilik/sehari (harga promosi hari minggu tu!) sambil *terhidu* bau roti dan pastri daripada restorannya. Lepas itu, kena naik tangga lagi untuk sampai ke tempat menonton tayangan video. Tayangan video itu agak menarik juga. Banyak maklumat yang boleh dipelajari. Anak-anak terutamanya, amat teruja melihat video yang dipertontonkan, apatah lagi melihat kehidupan liar yang tidak biasa dilihat. Selesai tayangan video, kami turun bukit ke pejabat renjer untuk beli permit bagi setiap kamera yang digunakan di sekitar Taman Negara. Kos permit RM5 per kamera (kamera phone masuk kira juga tau!). *Ecotourism creams off people is no myth!*

Aktiviti kedua ialah melawat *Keloh Fish Sanctuary*. Kami bergerak semula ke bot untuk *boat-ride* di laluan Sungai Tahan untuk ke *Fish Sanctuary*. Kali ini naik bot jenis lain: Botnya panjang, sempit-5 *single-seater* tapi laju. *The scenery was heavenly breathtaking and soothing to the troubled soul. You just see acres and acres of trees of green with a backdrop of blue skies. Subhanallah! Malaysia at its finest raw disposition. You just felt like drifting, amidst the monotonous hum of the sound of engine as you watch the trees passed and the skies went by above you. It was so relaxing! For a moment one could easily forget all work and woes, whatever they might be.* *Keloh Fish Sanctuary*, merupakan tempat penyelidikan dan konservasi untuk ikan kelah. Terdapat platform di mana kita boleh lihat ikan-ikan berenang dalam air yang jernih. Sayang sekali pada hari itu air tak jernih sangat. Lepas puas bagi makan kat ikan kelah, masa untuk anak-anak main air di tebing sungai, sambil yang dewasa tumpang sekaki. *The riverbed here is quite stony. Sakit gak kaki bila menapak tapi bagus untuk refleksiologi.* Dalam satu jam di situ, kami mula bersiap untuk pulang. Patutnya program pagi itu termasuk lawatan ke Lata Berkoh. Ada air terjun kat situ - macam seronok jer kan. Tapi bila dengar Saf kata kena *jungle trekking* dengan tanah yang agak licin.... terus *kensel!* Kami terus pulang ke resort untuk makan tengahari dan solat.

Petang itu kami berkumpul di lobi resort untuk acara Sukaneka. *We had fun!* Tengok je kegembiraan di muka-muka kami kat web jsm ([www.fs.utm.my/mathematics](http://www.fs.utm.my/mathematics)), ada link khas untuk Hari Keluarga JSM. Acara pada waktu malam pula adalah barbeque. *Another first for HKJSM I think - barbeque dinner on a remote island. It took us one minute to get there (from the jetty actually). Not really an island but sort of.* Pulau ini terbentuk daripada longgokan pasir sungai sehingga menjadi pulau yang kecil. *I think they are called barrier island or barrier spits.* Saf kata, nak harung air pun boleh ke sana tapi kami pilih bot sebab dah pakai lawo-lawo!

Pada pagi hari Isnin, sekali lagi kami ke jeti dengan muka teruja untuk naik bot ke kawasan *Canopy Walkway*. Bot ini juga berlainan dari yang sebelumnya, lebih panjang, lebih lebar, berbumbung dan lebih kuasa kudanya. Arah perjalanan kami melalui kawasan sungai yang agak berombak. Saf kata sebab ada banyak batu. Batu besar dalam sungai menahan aliran air, sebab tu air agak bergelombang di sesetengah kawasan. Ada tiga bot yang disediakan untuk kami dengan dua fungsi berlainan: sebuah bot *Slow and easy* (untuk anak-anak kecil dan penjaga) dan dua buah bot untuk *rapid shooting*. Laluan kanopi Taman Negara ini merupakan jambatan gantung terpanjang di dunia pada 530m, dengan ketinggian 25-40m. Untuk ke arah laluan kanopi, kami perlu menapak naik tangga besi yang tinggi dan banyak (sangat!). *Not even an inch of comparison to climbing up the stairs to the 4<sup>th</sup> floor of C22!* Tapi *tabik spring* kat ayah Dr. NorM yang membuktikan walaupun sudah berusia tapi penuh semangat naik ke atas. Juga tidak lupa kepada pakcik drebar sampai juga ke atas walaupun

orang yang terakhir (sambil mengelap peluh!). Terdapat beberapa checkpoint yang disediakan disepanjang laluan kanopi. Jarak antara checkpoint kira-kira 20-40m dan di setiap checkpoint terdapat seorang pegawai bagi menjaga keselamatan pengunjung. Walaupun ada abang checkpoint, kena hati-hati juga bila berjalan *ala-ala catwalk* tu. Memang betul la apa yang Saf kata, jangan pandang bawah, tapi bila orang dah kata **jangan** pandang, ... pandang juga.. maka mula la mulut terkumat kamit baca ayat lebih sikit. Atas laluan ni, jarak antara orang hadapan dengan kita perlu antara 5-10 meter sebelum sampai ke checkpoint yang seterusnya. Checkpoint tu kecil je. Atas checkpoint cuma boleh ada 4 orang pada satu-satu masa. Setiap laluan jenis mendatar yang agak *wobly*. Tapi ada satu bahagian laluan yang terdiri daripada anak tangga ke bahagian kanopi pokok yang lebih tinggi. Tapi masa kami disana, bahagian itu telah ditutup untuk kerja-kerja penambahan laluan. Setelah selesai bergantung nyawa pada jambatan gantung, mulalah perjalanan kami menuruni tangga untuk ke jeti. Sambil menunggu kawan-kawan yang singgah untuk panggilan 'alam', pelbagai riak wajah kelihatan di muka yang lain. Antaranya, gembira, penat, dan ada juga muka yang tobat tak nak naik lagi!

Seterusnya, kami menaiki bot untuk terus menuju ke perkampungan orang asli. Bot *Slow & Easy* gerak dulu. Bila tiba giliran kami untuk naik bot, Saf bagi tau yang bot kedua dan ketiga akan basah. Kami ingatkan bot akan lalu jeram sebab tu basah, rupanya pemandu bot dengan sengaja mengemudi bot *ala-ala rapid shooting*. Habis lencun kami! Kami tiba di perkampungan orang asli dalam keadaan yang basah tapi kami tetap disambut dengan baik oleh wakil mereka bernama *Li*. Orang asli ni terdiri daripada kaum batek. Zulfauzi kata, masa dia pergi Taman Negara zaman kecil-kecil dulu (empat belas tahun lepas *to be exact*), orang asli pada waktu tu tak reti berbahasa Melayu dan berpakaian agak terbuka. Tapi kali ini, dia rasa seronok sangat terutamanya bila tahu orang asli sekarang dah boleh berbahasa melayu dan dah berpakaian macam kita-kita. Kampung orang asli yang kami kunjungi itu, penduduknya berkepercayaan animisme. Menurut Saf, dulu mereka hidup secara nomad, tapi sekarang dengan perkembangan eko-pelancongan di kawasan itu, mereka boleh meraih sedikit pendapatan. Setiap pengunjung di kampung mereka akan dikenakan bayaran sebanyak RM5 seorang. Wang itu akan diagihkan kepada penduduk kampung yang lain. Mereka hidup dengan makan nasi dan ikan, jarang sekali makan sayur. Kami telah ditunjukkan demo cara menyalakan api dan membuat sumpit. Tapi yang best sekali bila dia orang tunjukkan cara nak gunakan sumpit. Kesian *teddy-bear* buruk yang dia orang gunakan untuk buat target sumpit! *Ning kabal*= apa khabar, *Berekk*=baik adalah di antara beberapa perkataan yang di ajar kepada kami. KJSM, PM Dr. Rohanin sempat menyerahkan sedikit sumbangan duit dan pakaian kepada wakil orang asli hasil daripada kutipan staf JSM. Setelah itu, kami naik bot semula untuk pulang ke resort. Dalam perjalanan pulang, sekali lagi kami 'ber'rapid shooting. Basah lagi!

Sampai jeti, kami terus menuju ke resort untuk solat dan berkemas sebelum bergerak pulang. *Farewell Taman Negara!* Dalam perjalanan ke arah bandar Jerantut, Saf menjemput kami makan tengahari di restoran keluarganya. Balik JB kali ni kami ikut laluan kampung kerana menjangkakan lebuhraya Utara-Selatan akan sesak kerana cuti umum. Bas lalu pekan Bera, pekan Rompin, bandar Segamat dan keluar di Tol Yong-Peng Selatan. Kami berhenti untuk makan dan solat di R&R Machap jam 9 lebih malam. Alhamdulillah kami selamat tiba di Johor Bahru sekitar jam 11 lebih. Penat tak ter-kata, *but well worth it!*

Istimewa untuk FM, Skuad Paparazi JSM (SP) yang terdiri daripada pelajar 4SSCE (*a.k.a. my personal tutees*) telah dihantar untuk mendapatkan komen cara *verbatim* santai daripada peserta-peserta HKJSM2013. *They have been told, "Write down everything, including their expressions. I want everything recorded"*. Seramai 9 orang peserta telah ditemuduga. Identiti peserta telah dilindungi untuk 'keselamatan' hak kebebasan bersuara. Namun, daripada teks dan ekspresi ayat di bawah, anda mungkin boleh teka siapa mereka.

### PESERTA 1

- SP : Tiga perkataan yang boleh Dr. gambarkan tentang HARI KELUARGA?  
 P1 : Hehehe (nada ketawa)... adventure... 3 word ea... tak tahu lagi apa... hehehe (nada ketawa)... emmm... jauh dan fun!  
 SP : Ok, highlight dalam program ini?...banyak kan aktiviti yang dilakukan macam canopy walk, naik bot dan banyak lagi..  
 P1 : Saya tak join semua... first day je yang saya pergi... naik bot la... enjoylah budak-budak tak pernah naik bot... (diam sekejap)... owh!! saya nampak kijang masa naik bot!  
 SP : Dr. naik bot dengan anak-anak ya. Berapa umur anak Dr.?  
 P1 : aah...anak saya ye....umur 6, 4 dan 2 tahun.  
 SP : Soalan terakhir untuk Dr. Apa harapan Dr. untuk future hari keluarga, mana tahu ada yang boleh di improve kan lagi?  
 P1 : owh.. apa ya.. (nada ketawa), so far ok..semuanya ok...

### PESERTA 2

- SP : Tiga word yang Dr. dapat describe untuk hari keluarga?  
 P2 : oh sudah!.. (nada bergurau)...heheheh (nada ketawa).. apa ea...amat berpuas hati..  
 SP : (diam sebentar, ada Dr lain yang datang).. ok, apa highlight program maksudnya aktiviti yang Dr. suka sepanjang program ini?  
 P2 : owh... maksud awak yang suka ya...naik bot rapid shooting yang last day hari isnin...yang sebelum dan selepas canopy.. sebab dia bawa memang air biasa tapi memang basahlah.  
 SP : ok harapan Dr. untuk future HARI KELUARGA?  
 P2 : banyak penyertaan daripada staf...staf 13 je...lagi-lagi nak tulis harapan lain! (nada excited)..  
 SP : boleh saja kalau Dr. nak bagi banyak lagi harapan..  
 P2 : emm..harapan lain.. pergilah tempat-tempat adventure macam ini lagi.. sebelum ini pergi tempat macam pantai, sukaneka...  
 SP : owh kiranya ini pertama kali lah pergi tempat yang adventure..  
 P2 : ini first time la...hari itu pergi tempat macam kat tangkak eh bukan tangkak..tapi ada satu tempat ini...tak lah ter "adventure" macam tempat ini.. eheheh (nada ketawa)...

### PESERTA 3

- SP : Tiga perkataan yang boleh dr. gambarkan tentang HARI KELUARGA yang Dr. sertai?  
 P3 : Tiga perkataan??.. seronok... penat.. emmm.. (diam sebentar).. apa lagi word yang boleh gambarkan seronok ya.. Hehehe (nada ketawa).. adventure!..  
 SP : Antara aktiviti yang Dr. ikuti hari itu, apa aktiviti yang Dr. rasa paling seronok?  
 P3 : saya bawa anak,..mesti yang lain suka naik yang bot tu kan.. saya tak naik..yang tu la kot.. canopy.  
 SP : ok last soalan..apa harapan Dr. untuk HARI KELUARGA yang akan datang?  
 P3 : oh, harapan..ramai penyertaan la baru lagi seronok.. Penyertaan dari staf-staf.

### PESERTA 4

- SP : Boleh Dr. nyatakan tiga perkataan yang menggambarkan HARI KELUARGA yang Dr. sertai?  
 P4 : Aiyoo... tak tahu...hahaha (nada ketawa). Ermm, three word ya? Menyeronokkan dan... (berfikir sejenak) mengembirakan.

- SP : Antara program yang telah dijalankan, bagi Dr. apakah program yang paling highlight sekali?
- P4 : ermmm...highlight...canopy walk. My first experience, ehem...(sambil tersenyum).
- SP : Soalan terakhir Dr...hehehe (nada ketawa). Apa harapan Dr. untuk next HARI KELUARGA untuk masa akan datang?
- P4 : Penglibatan yang lebih ramai... maksudnya lebih peserta.

**PESERTA 5**

- SP : Three words yang menggambarkan HARI KELUARGA yang En. sertai?
- P5 : Seronok!! (penuh semangat), ahhh adventure selepas tu penat.
- SP : Soalan seterusnya, apa highlight program pada HARI KELUARGA tersebut?
- P5 : Hah!! (penuh semangat lagi) hampir menenggelamkan bot yang lain. Aktiviti tu nama dia 'rapid shooting'. Dia ada tiga bot. Bot yang pertama tu untuk wanita dan kanak-kanak. Bot yang kedua untuk wanita sahaja dan bot yang ketiga untuk lelaki sahaja.
- SP : Ok ..., ni soalan last. Harapan pada HARI KELUARGA yang akan datang?
- P5 : Untuk family day akan datang...hopefully...buat lagi aktiviti, jadi tak duduk di hotel sangat. Kalau previous biasa jer...sukaneka.. dinner...ermm... maybe adakan outdoor activities.

**PESERTA 6**

- SP : Ok Dr. soalan pertama (sambil tersenyum) tiga perkataan yang menggambarkan HARI KELUARGA yang Dr. sertai?
- P6 : ALLAH...hehe...(nada ketawa), the keyword dia...(diam sebentar)...best,penat, adventure.
- SP : Apa highlight program bg Dr. untuk HARI KELUARGA ini?
- P6 : Payah nak cakap nie...hehe (nada ketawa). Bagi saya hari keluarga pada kali ni, dia macam family gathering. Selepas tu ada aktiviti adventure macam rapid shooting. Kalau sebelum-sebelum ni, santai jer...
- SP : Soalan last sekali, harapan Dr. untuk HARI KELUARGA yang akan datang?
- P6 : Hmmm... patut adakan lagi.... tempat??? ermmm..tempat yang semua orang boleh pergi. Dropback aktiviti memenatkan dan jauh. Tapi overall best!! (dengan senyuman).

**PESERTA 7**

- SP : Soalan pertama berkaitan dengan three words yang menggambarkan HARI KELUARGA?
- P7 : Haha...(nada ketawa)...tanya soalan lain dulu boleh tak...hehe (nada ketawa). Soalan ini saya kene fikir.
- SP : Soalan kedua berbunyi mengenai highlight program pada HARI KELUARGA yang seronok bg Dr.?
- P7 : Ahhh...(berfikir sejenak). Highlight program. Lagi satu?
- SP : Soalan ketiga, harapan Dr. untuk HARI KELUARGA akan datang?
- P7 : Oohhh...saya jawab nombor 3 dulu la...hehe.. (nada ketawa). Jangan jauh sangat...hehe...(nada ketawa). Kedua, kos yang lebih bersesuaian untuk family yang lebih besar. Kos yang optimal untuk yang mempunyai anak ramai. Harapan ni harapan mewakili orang lain bukan untuk saya sahaja. Yang ketiga, perlu lebih santai iaitu aktiviti yang sesuai dengan semua peringkat umur. Soalan kedua highlight program ya..
- SP : Highlight program masa HARI KELUARGA.
- P7 : Untuk highlight program pula, menyeberang..ehh..bukan menyeberang..something seperti "merentasi sungai tahanan...eh...sungai pahang rasanya".
- SP : Untuk three words tu pula.. ermm... tenang, nyaman,... (fikir sejenak) 'remorse' lebih kepada perasaan apabila melihat orang asli. Kesian pada mereka dan dalam masa yang sama bersyukur pada diri sendiri.

**PESERTA 8**

- SP : boleh Dr. berikan komen mengenai HARI KELUARGA yang berlangsung di taman Negara?
- P8 : family day itu ok (bagi pengisian) Cuma perjalanan nak kesana jauh.
- SP : macam mana dengan highlight program yang Dr. rasa seronok?
- P8 : bagi saya, highlight program yang seronok...ermm..canopy walk...sebab itu merupakan pengalaman saya dan canopy walk tu dia special kat situ (taman negara) dan tak da di tempat lain. (menjawab dengan senyuman).
- SP : apa matlamat Dr. untuk HARI KELUARGA yang akan datang?
- P8 : tempat yang lebih dekat...kemudian, pengisian yang lebih bermakna. Dan last skali pengalaman baru seperti canopy walk (aktiviti yang berpengalaman).#

**PESERTA 9**

- SP : Three words yang menggambarkan HARI KELUARGA?
- P9 : Banyak- sangat- tangga!
- SP : Huh?tu je?
- P9 : Haah la. Tiga perkataan je kan?
- SP : Jawapan jujur abis (ketawa).
- SP : Apa highlight program bg Dr. untuk HARI KELUARGA ini?
- P9 : Dapat naik moto dekat....(diam dan fikir sekejap sbml tersengeh) ..dekat umah norM....orang lain semua naik kereta.
- SP : Kenapa Dr. sorang je special?
- P9 : Sebab saya teringin nak naik moto. The last time naik was like 15 tahun dulu.
- SP : Ooohh...ye ke.
- SP : Apa harapan Dr. untuk HARI KELUARGA yang akan datang?
- P9 : Emmmmmm...(dekat setengah minit) sebenarnya saya tak suka pergi sejauh dan tak minat outdoor activity.. tapi lepas hari keluarga yang ni..saya terminat pulak kat yang jenis adventure. So, saya harap akan datang akan ada yg lebih adventure tapi yg DEKAT la.

Begitulah, komen-komen yang dapat diambil daripada sebahagian peserta HKJSM2013. Rata-rata semua merasakan HKJSM 2013 adalah pengalaman yang menyeronokkan. HKJSM 2013 telah memberi kami peluang mendekati dan menikmati alam ciptaan Allah. Kami juga dapat mengenali rakan sekerja dan ahli keluarga mereka dengan lebih dekat lagi. *You get to know them at a totally different platform. This helps in understanding why they do certain actions that you never seemed to understand before.* Jelasnya, ini akan membantu dalam menguatkan lagi ukhuwah antara kami apabila balik ke pejabat. Saya rasa itulah matlamat utama Hari Keluarga yang sepatutnya dicapai. Harapan saya seperti peserta lain, lebih ramai ahli JSM yang akan turut serta untuk Hari Keluarga yang akan datang. Tidak mengapa sekiranya keluarga anda tidak boleh turut serta. Yang penting, anda ada. Peringatan ini untuk diri sendiri juga.

Syabas kepada Dr. Nor Muhainiah dan kru atas kejayaan HKJSM 2013! ■

**Disclaimer:**

- ◆ Perhatian kepada pembaca, terutama pelajar. Cara menulis artikel jenis percampuran bahasa ini dengan penggunaan banyak singkatan kata tidak patut diikuti oleh pelajar semasa penulisan akademik.
- ◆ kandungan artikel di atas mungkin tidak menggambarkan semua perasaan peserta.

**Penghargaan:**

- ◆ Terima kasih kepada Skuad Paparazi: Husna Nurain, Masyitah, Hafilah, Siti Aishah dan Fakhru Ridhwan.